

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	20 DECEMBER 2016

Hanya Najib berani bina Lebuh Raya Pan Borneo

Um - 20/12/2016

LAHAD DATU 19 Dis. - Keprihatin-an Datuk Seri Najib Tun Razak kepada rakyat negeri ini jelas terbukti apabila beliau adalah satu-satunya Perdana Menteri yang berani dan bersetuju membina Lebuh Raya Pan Borneo di Sabah.

Ketua Menteri, Datuk Seri Musa Aman berkata, keberanian Najib itu adalah disebabkan keyakinan beliau melihat potensi lebuh raya berkenaan mampu mewujudkan limpahan ekonomi dan membangunkan negeri ini.

“Kita sudah minta lebuh raya ini dari dahulu, tiada Perdana Menteri yang berani (setuju) bagi kita.

“Saya bukan mahu cakap buruk tetapi hanya Najib sahaja Perdana Menteri yang berani bagi kepada kita (Lebuh Raya Pan Borneo),” katanya dalam ucapan aluan pada Majlis Pelancaran Lebuh Raya Pan Borneo pakej Jalan Pintas Lahad Datu di Sekolah Menengah Kebangsaan Sepagaya, di sini

hari ini.

Musa yang juga Menteri Kewangan negeri menambah, projek lebuh raya itu bukan sahaja bukti komitmen dan keprihatinan kerajaan Barisan Nasional (BN) kepada Sabah.

Sebaliknya kata beliau, kerajaan di bawah kepemimpinan Najib pasti akan memberi peruntukan yang besar dari semasa ke semasa demi manfaat rakyat negeri ini.

Ujarnya, kehadiran Najib ke negeri ini juga adalah untuk bekerja serta berkhidmat dan bukannya mahu berkempen atau berpolitik.

“Oleh itu saya minta rakyat jangan dengar spekulasi, hasutan dan tidak percaya kepada fitnah pembangkang kononnya mahu merubah negeri ini.

“Tiada yang perlu diubah kerana UMNO dan BN mempunyai rekod yang baik dalam membela nasib rakyat di Sabah. Jangan jadi kacang lupakan kulit,” tegasnya.